General

UMP tersenarai di tangga 201-250 terbaik dalam penarafan THE Asia

Fri, 06/23/2023 - 11:56

PEKAN, 23 Jun 2023 - Universiti Malaysia Pahang (UMP) terus melestarikan kecemerlangan apabila tersenarai di kedudukan 201-250 dalam Times Higher Education Asia University Rankings 2023 (THE Asia) buat julung kalinya pada tahun ini.

Penilaian dibuat berdasarkan kepada pengajaran dan pembelajaran (25%), penyelidikan (30%), Sitasi Penerbitan (30%), Pengantarabangsaan (7.5%) dan Industri (7.5%).
Kejayaan ini sekali gus meletakkan UMP pada kedudukan kesembilan terbaik di Malaysia dan pertama dalam kalangan Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN).

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Ts. Dr. Yuserrie Zainuddin, UMP akan sentiasa memastikan kualiti program akademiknya untuk memastikan para graduannya dilengkapi dengan pengetahuan teknikal yang relevan serta dapat memenuhi kehendak sektor industri utama negara agar kekal berdaya saing di peringkat global.

Usaha ini juga seiring dengan agenda Pelan Strategik UMP 2021-2025.



“Universiti juga akan terus mengungguli bidang penyelidikan dan inovasi pada masa akan datang dengan keupayaan teknologi UMP melalui bilangan produk ciptaan dan penghasilan penemuan atau teknologi baharu yang berimpak tinggi serta dapat memberi manfaat yang besar kepada komuniti dan di peringkat antarabangsa.

“Selain itu, kedudukan ini seterusnya turut menyokong reputasi UMP sebagai institusi pendidikan dan yang diiktiraf dunia.

“UMP akan terus memperkukuhkan kerjasama strategik dengan industri, agensi kerajaan dan alumni termasuk institusi antarabangsa dalam meningkatkan kecemerlangan inisiatif pengantarabangsaan yang dapat menyumbang terhadap agenda pembangunan negara dan bersaing di peringkat global,” katanya.

Beliau merakamkan ucapan tahniah kepada semua staf dan pelajar yang telah menyokong kejayaan UMP dalam meningkatkan prestasi institusi pada peringkat Asia dan mengharapkan komitmen yang berterusan ini akan menyerlahkan reputasi serta penjenamaan UMP dalam kalangan institusi

antarabangsa.



THE Asia University Rankings 2023

University	2022	2023
Universiti Teknologi Petronas	95	63
University of Malaya	=55	66
Universiti Utara Malaysia	148	=99
Universiti Kebangsaan Malaysia	138	=149
Universiti Putra Malaysia	=142	154
Universiti Teknologi Malaysia	=160	=161
Universiti Pendidikan Sultan Idris	=164	=168
Universiti Sains Malaysia	157	=170
Universiti Malaysia Pahang NEW	-	201-250
Sunway University NEW	-	201-250
Universiti Tenaga Nasional	184	201-250
Universiti Tunku Abdul Rahman	351-400	301-350
Universiti Malaysia Perlis	301-350	351-400
Multimedia University	401-500	401-500
Universiti Malaysia Terengganu	401-500	401-500
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	401-500	401-500
Universiti Kuala Lumpur	401-500	501-600
Universiti Malaysia Kelantan NEW	-	501-600
Universiti Malaysia Sarawak	401-500	501-600
Universiti Teknikal Malaysia Melaka	501 +	501-600
Universiti Malaysia Sabah NEW	-	501-600
Universiti Teknologi MARA	501 +	601+

Source: https://www.timeshighereducation.com/world-university-rankings/2023/regional-ranking

Turut tersenarai di dalam penarafan THE Asia edisi 2023 adalah, Universiti Teknologi Petronas (UTP) #63, Universiti Malaya (UM) #66, Universiti Utara Malaysia (UUM) #99, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) #149, Universiti Putra Malaysia (UUM) #154, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) #161, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) #168 dan Universiti Sains Malaysia (USM) #170.

Untuk maklumat lanjut, laporan pencapaian layari https://www.timeshighereducation.com/world-university-rankings/2023/reg…

Disediakan oleh: Mimi Rabita Haji Abdul Wahit, Bahagian Komunikasi Korporat, Jabatan Canseleri

- 227 views

View PDF